

12 AUG 2002

Indonesia-Menteri/I

MENTERI INDONESIA BERSEDIA UNTUK LETAK JAWATAN BERHUBUNG ISU PEKERJA

Oleh: Openg Onn

JAKARTA, 12 Ogos (Bernama) -- Menteri Tenaga Kerja dan Transmigrasi Jacob Nuwa Wea hari ini berkata beliau bersedia meletakkan jawatan berhubung masalah berpanjangan pekerja tanpa izin Indonesia di Malaysia.

"Saya bersedia untuk meletakkan jawatan. Apa gunanya saya mengekalkan jawatan ini sekiranya saya tidak dapat (menyelesaikan isu ini). Ini merupakan sebahagian tanggungjawab terhadap rakyat," katanya kepada pemberita selepas majlis perasmian Hari Kebangkitan Teknologi Nasional oleh Presiden Megawati Sukarnoputri di Istana Negara di sini.

Jacob, bekas aktivis buruh, dipersalahkan bagi pelbagai masalah yang menyelubungi beratus-ratus pekerja tanpa izin Indonesia yang baru pulang dari Malaysia.

Menteri itu menyalahkan pihak Kedutaan Indonesia di Kuala Lumpur bagi apa yang beliau katakan adalah kegagalan mereka dalam menjalankan lobi yang berkesan "untuk menghalang Malaysia daripada mengusir pekerja tanpa izin."

Minggu lepas, Jacob telah tergesa-gesa kembali ke Jakarta dari Bali apabila beliau mendapati Memorandum Persefahaman (MoU) mengenai isu pekerja telah dikeluarkan daripada agenda untuk ditandatangani bersama lima lagi MoU.

Majlis menandatangani MoU berkenaan disaksikan oleh Megawati dan Perdana Menteri Malaysia Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad pada perjumpaan tahunan mereka, kali ini diadakan di pulau perangan paling popular di Indonesia itu.

Jacob menuduh rakannya, Menteri Luar Hassan Wirayuda sebagai dalang yang menyebabkan MoU itu tidak ditandatangani.

Kementerian Luar kemudian menafikan tuduhan itu dengan menyatakan perkara itu diputuskan oleh Menteri Penyelaras Kesejahteraan Rakyat Yusuf Kalla, yang mengetuai jawatankuasa kabinet mengenai isu pekerja tanpa izin.

Malaysia, sejak 1 Ogos lepas, telah menguatkuasakan undang-undang imigresen ketat bagi tujuan mengusir kira-kira setengah juta pekerja asing tanpa izin di negara itu.

Beribu-ribu rakyat Indonesia meninggalkan Malaysia dalam usaha untuk mengelakkan sebarang tindakan yang termasuk enam sebatan.

Walaupun, ramai yang telah sampai ke tanah air dengan sesetengahnya cuba untuk kembali semula ke Malaysia selepas memperolehi dokumen perjalanan dan permit kerja, ramai yang masih terkandas di pintu-pintu keluar di Malaysia atau di pelabuhan tempat mereka mendarat di Indonesia akibat masalah logistik.

Kebanyakan mereka dilaporkan berada dalam keadaan terdesak selepas kehabisan wang untuk meneruskan perjalanan pulang ke rumah dan bantuan kerajaan seperti makanan dan penginapan pula adalah terhad.

Kerajaan Indonesia telah menghantar kapal-kapal tentera laut untuk melengkapi kapal komersil untuk membawa mereka pulang tetapi masih tidak mencukupi.

Megawati telah memerintahkan ditubuhkan satu jawatankuasa kabinet dua minggu lepas bagi menangani masalah itu tetapi ramai yang berpendapat langkah itu sudah terlewat.

-- BERNAMA

OPP RHM